

Mengamalkan nilai-nilai kepemimpinan melalui teladan, melahirkan masyarakat yang makmur dan berjaya

Negara akan maju dan dihormati dunia — PM



● Kiri: SAMBIL melambatkan tangan, Datuk Seri Dr Mahathir (bulatan) terharu dengan sambutan luar biasa dari rakyat berbilang kaum di Kedah, semalam.



● Kanan: PEMIMPIN yang dihormati akan disanjung rakyat. Perdana Menteri (bulatan) dikerumuni oleh puluhan ribu penduduk berbilang kaum ketika melawat Kedah, semalam.



● UNGKAPAN seperti "Impianmu, Harapan Kami", "Che Det, Tiada Ganti Begimu" dan "Kami Menyokong Pimpinan Dr M" adalah antara sepanduk yang memulau-alukan kelahiran Perdana Menteri. — Foto-foto Berita Minggu oleh Mohamad Yusof dan Zahari Zakaria.

ALOR SETAR, Sabtu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin konsep Kepimpinan Melalui Teladan yang ditegaskan di seluruh dunia jika setiap individu mengamalkan nilai-nilai tersebut.

Katanya, nilai-nilai Kepimpinan Melalui Teladan menekankan amalan kerja yang kuat, dedikasi dan berdisiplin yang akhirnya melahirkan satu masyarakat yang makmur dan berjaya.

"Setiap individu mempunyai peranan masing-masing ke arah pencapaian negara-negara lain tidak dapat lagi memandang rendah kepada Malaysia dalam setiap aspek," tambahnya semasa berucap merasmikan kursus Kepimpinan Melalui Teladan peringkat negeri Kedah di sini.

Perdana Menteri juga mengajak setiap orang berusaha untuk mengahapkan tanggapan negatif-orang-orang asing terhadap negara ini. "Inilah khususnyanya aspek-aspek yang melambatkan sikap malas, tidak mahu berusaha, miskin dan seumpamanya.

Katanya tidak ada alasan pun yang suka jika ia terus dihina dan dipandang rendah dan tidak ada jalan lain bagi mengatasi masalah tersebut melainkan dengan membuktikan keupayaan masing-masing sehingga mencapai kejayaan.

Beliau juga meminta setiap orang menganggap slogan Kepimpinan Melalui Teladan itu sebagai arahan yang mesti dilaksanakan tanpa mengira ia seorang pegawai tinggi atau orang kebanyakan.

Ini adalah kerana setiap individu itu adalah pemimpin dan ia mesti menunjukkan contoh yang baik setiap masa, tambahnya.

Dalam hal ini juga, Datuk Seri Dr. Mahathir

"Di negara ini, kita patut bersyukur kerana telah banyak usaha dibuat untuk memberikan kebajikan kepada rakyat dan kerajaan akan terus meningkatkan usaha berkenaan dari masa ke-masa," tambahnya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama dan sambutan baik terhadap usaha-usaha kerajaan.

Ini termasuklah sambutan atas setiap tindakan dan slogan-slogan utama yang dianjurkan oleh kerajaan bagi kebalikan masyarakat juga, tambahnya lagi.

Turut hadir di majlis ini ialah Datuk Seri Dattin Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nasser Shahabuddin, Menteri Pembangunan Negara dan Menteri Perindustrian, Perdagangan dan Koperasi, Datuk Seri Dr. Siti Hamidah Badawi dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Enn Anwar Ibrahim. — Bernama.

menegaskan para pemimpin tertinggi mempunyai peranan yang lebih berat untuk menunjukkan teladan yang baik untuk diikuti oleh orang-orang yang dipimpinya.

Beliau menyebut kata dasar-dasar kerajaan, termasuk slogan yang dikemukakan bukan dibuat secara tergesa-gesa atau tanpa kajian yang mendalam.

Sokongan Apa yang dibuat dan dikemukakan oleh kerajaan dibuat bagi kebahagiaan masyarakat dan pembangunan negara, tambahnya.

Katanya kemerdekaan sebuah negara itu tidak bererti jika berkenaan gagal melaksanakan usaha-usaha memberikan kebahagiaan kepada rakyatnya dan membiarkan mereka terus menderita.

Pindaan berfaedah pada seluruh rakyat

BUTTERWORTH, Sabtu — Kelab Umno di Perancis yang baru ditubuhkan telah memberi sokongan kepada Kerajaan Pusat mengenai perkara pindaan perlembagaan.

Ahli jawatankuasa kelab itu, Haji Hussein Mohamed Nor, berkata hari ini pindaan perlembagaan yang baru diluluskan oleh parlimen itu pada keseluruhannya memberi faedah kepada semua golongan rakyat negara ini.

Beliau berada di sini untuk mem-

buat thesis mengenai Umno Negeri Pulau Pinang dan juga mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau ialah penutut sains politik di Sekolah Sains Kemasyarakatan, Perancis.

Haji Hussein menambak selipar golongan di negara ini patut merbah sokongan terhadap pindaan perlembagaan itu dalam usaha bagi menjamin masa depan negara. — Bernama.